

Ujian diagnostik murid enam tahun bukan instrumen penghakiman



Pelaksanaan ujian diagnostik bagi murid enam tahun yang bakal memasuki Tahun Satu pada 2027 mula menjadi perdebatan umum selepas diumumkan minggu lalu. Ia susulan wujud kekeliruan, kebimbangan dan kekaburan ibu bapa mengenai cadangan itu yang terkandung dalam Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035. **Wartawan, Farah Marshita Abdul Patah** mendapatkan pandangan pakar pendidikan dan psikologi berhubung pelaksanaan ujian diagnostik ini.

Dr Ismi Arif Ismail

Profesor Fakulti Pengajian Pendidikan dan Penyelidik Kanan Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Soalan (S): Adakah ujian diagnostik perlu dilaksanakan bagi murid enam tahun untuk memasuki Tahun Satu sebagai langkah awal mengenal pasti tahap penguasaan murid?

Jawapan (J): Ujian diagnostik wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan serta penguasaan asas mereka, khususnya dalam kemahiran literasi, numerasi dan sosioemosi. Pelaksanaan ujian ini membolehkan guru mendapat gambaran awal lebih menyeluruh latar belakang pembelajaran murid yang lazimnya berbeza-beza bergantung kepada persekitaran keluarga, pendedahan awal pendidikan prasekolah serta tahap perkembangan individu.

Yang penting, ujian diagnostik bukan bertujuan melabel, menghakimi atau menghukum murid, sebaliknya berfungsi sebagai alat sokongan pedagogi. Menerusi maklumat diperolehi, guru dapat merancang strategi pengajaran lebih bersasar, fleksibel dan berperingkat, selaras dengan keperluan sebenar murid. Pendekatan ini membantu mengelakkan situasi murid kurang bersedia, ketinggalan sejak awal sekali gus mengurangkan tekanan emosi dan risiko kehilangan minat terhadap pembelajaran.

Ujian diagnostik juga membolehkan intervensi awal dilaksanakan secara lebih sistematik, sama ada melalui aktiviti pemulihan, pengaya-

an atau sokongan tambahan.

S: Apakah modul atau instrumen sedia ada yang boleh dijadikan rujukan dalam pembinaan ujian diagnostik Tahun Satu?

J: Modul literasi dan numerasi awal dibangunkan Kementerian Pendidikan (KPM) sesuai digunakan kerana dirangka selaras dengan keperluan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira dalam kalangan murid sekolah rendah. Pentaksiran saringan LINUS yang pernah dilaksanakan sebelum ini juga boleh dimanfaatkan sebagai rujukan, khususnya dari segi struktur item, kaedah saringan awal serta pendekatan pengesanan murid berisiko.

Panduan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) juga boleh dijadikan kerangka penting memastikan ujian diagnostik dibina secara holistik, berterusan dan berfokuskan perkembangan murid. Penyesuaian turut perlu dibuat berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), khususnya Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran bagi Tahun Satu, supaya ujian diagnostik dibangunkan tidak tersasar daripada kehendak kurikulum. Elemen perkembangan kanak-kanak prasekolah, termasuk aspek kognitif, bahasa, motor halus dan sosioemosi, perlu diambil kira bagi memastikan instrumen dibina bersifat realistik, mesra murid dan tidak membebankan.

S: Apakah elemen utama perlu dinilai dalam ujian diagnostik?

J: Elemen utama perlu dinilai hendaklah merangkumi aspek literasi asas, numerasi asas serta perkembangan murid secara menyeluruh. Penilaian dirangka dengan

baik bukan sahaja memberi tumpuan kepada pencapaian akademik awal, malah mengambil kira tahap perkembangan kanak-kanak selaras dengan usia dan fasa peralihan daripada pendidikan prasekolah ke pendidikan formal.

Bagi aspek literasi asas, penilaian perlu menumpukan keupayaan murid mengenal huruf, memahami bunyi huruf (fonik) serta membina kefahaman awal terhadap perkataan dan ayat mudah. Elemen ini penting bagi mengenal pasti tahap kesediaan murid mengikuti pembelajaran membaca dan menulis secara formal, di samping mengesan sebarang kelewatan awal yang memerlukan sokongan khusus.

Dalam aspek numerasi asas, penilaian wajar merangkumi penguasaan nombor, hubungan konsep kuantiti, hubungan antara nombor, serta keupayaan melaksanakan operasi matematik mudah seperti penambahan dan penolakan asas. Penilaian ini membantu guru memahami cara murid berfikir secara matematik dan tahap kebolehan mereka dalam menyelesaikan masalah harian yang mudah.

“Ujian diagnostik bertujuan memastikan murid tidak tercicir sejak awal persekolahan, di samping mengurangkan tekanan emosi yang boleh timbul akibat jangkaan akademik yang tidak selaras dengan tahap perkembangan usia”

Perkembangan murid juga elemen penting dalam ujian diagnostik yang merangkumi kemahiran tingkah laku halus dan kasar, kebolehan bersosial, pengurusan emosi, tahap keyakinan diri serta keupayaan memberi tumpuan dalam persekitaran pembelajaran formal.

S: Adakah ujian diagnostik ini menunjukkan keperluan pentaksiran berstruktur bagi menilai tahap murid, selari dengan pelaksanaan PBD?

J: Ujian diagnostik tidak bercanggah dengan prinsip PBD, malah berperanan sebagai pelengkap penting dalam kerangka pentaksiran menyeluruh. Ujian diagnostik boleh difahami sebagai satu bentuk pentaksiran awal berstruktur bertujuan mendapatkan data asas mengenai tahap kesediaan, penguasaan dan keperluan pembelajaran murid sebelum proses pengajaran formal bermula secara sepenuhnya. Guru akan memperoleh data permulaan jelas dan sistematik, seterusnya membantu merancang strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih berfokus serta berperingkat.

Dalam konteks PBD yang menekankan pentaksiran

berterusan, formatif dan berasaskan bukti, ujian diagnostik berfungsi sebagai titik rujukan awal melengkapi pemerhatian, aktiviti pembelajaran dan penilaian harian di bilik darjah. Gabungan dua pendekatan ini memastikan penilaian terhadap murid Tahun Satu dilaksanakan secara adil.

S: Adakah pelaksanaan ujian diagnostik berpotensi menimbulkan kekeliruan ibu bapa terhadap konsep pentaksiran dan peperiksaan?

J: Potensi kekeliruan memang wujud sekiranya komunikasi tidak jelas. Oleh itu, ibu bapa perlu diberi kefahaman ujian diagnostik bukan peperiksaan, tidak membabitkan gred dan bertujuan semata-mata untuk menyokong pembelajaran anak. Kekeliruan ibu bapa lazimnya berpunca daripada persepsi sebarang bentuk ujian di sekolah rendah dianggap sebagai peperiksaan formal membabitkan penilaian pencapaian, gred atau perbandingan antara murid.

Penting untuk KPM menjelaskan kepada ibu bapa ujian diagnostik bukan peperiksaan, tidak bertujuan mengukur kejayaan atau kegagalan murid serta tidak membabitkan gred, markah atau kedudukan. Sebaliknya, ujian ini dilaksanakan semata-mata sebagai alat pengesanan awal bagi memahami tahap kesediaan, kekuatan dan keperluan pembelajaran anak mereka. Ia bertujuan memastikan murid tidak tercicir sejak awal persekolahan, di samping mengurangkan tekanan emosi yang boleh timbul akibat jangkaan akademik yang tidak selaras dengan tahap perkembangan usia.

kepada PBD?

J: Tiada pentaksiran formal standard dilaksanakan secara khusus bagi kemasukan murid ke Tahun Satu sebelum ini. Penilaian awal terhadap murid lazimnya bergantung

kepada maklumat daripada peringkat prasekolah, rekod perkembangan kanak-kanak, serta pemerhatian awal guru sebaik murid memulakan sesi persekolahan. Bagaimanapun, pendeka-

tan ini bersifat tidak seragam dan bergantung kepada konteks serta pengalaman individu, sekali gus menyukarkan perbandingan atau perancangan sokongan secara sistematik.

Ujian diagnostik tidak menggantikan PBD, sebaliknya melengkapkan pelaksanaannya dengan menyediakan data awal berstruktur dan menyokong pendekatan pentaksiran formatif.